



MOHD. UZIR

Perdagangan Malaysia menurun Jun lalu

PETALING JAYA – Prestasi dagangan Malaysia merosot pada Jun 2023, dengan jumlah dagangan jatuh 16.3 peratus daripada RM265.4 bilion pada Jun 2022 kepada RM222.1 bilion bulan lalu, menurut Jabatan Perangkaan.

Seiring dengan itu, eksport dan import juga mencatatkan penurunan masing-masing 14.1

peratus dan 18.9 peratus, sementara lebihan dagangan Malaysia meningkat kepada RM25.8 bilion.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pengurangan eksport disumbangkan terutamanya kemerosotan eksport ke Amerika Syarikat (-RM3.2 bilion), diikuti Kesatuan Eropah (-RM2.7 bilion) dan Bang-

ladesh (-RM1.9 bilion).

Jelasnya, penurunan didorong oleh minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak kelapa sawit (-RM5.3 bilion), keluaran petroleum (-RM5.1 bilion) dan gas asli cecair (-RM2.6 bilion).

“Sementara itu, penurunan import pula terutamanya disum-

bangkan dari China (-RM6.1 bilion), Taiwan (-RM2.7 bilion) dan Republik Korea (-RM2.6 bilion).

“Penguncutan import tertinggi direkodkan bagi barang elektrik dan elektronik (-RM7.2 bilion), diikuti dengan keluaran petroleum sebanyak -RM7.1 bilion,” katanya dalam satu kenyataan semalam.